

**Brent North
Sea Crude**
**AS\$46.55
(RM184.64)**

卷之三

Pelaburan syarikat asing RM788j

KUALA LUMPUR – Entiti pelaburan kerajaan, InvestKL, menarik 10 syarikat multinasional yang melabur sebanyak RM788 juta di ibu negara pada tahun 2015.

nya Datuk Zainal Amanshah berkata, Laporan Prestasi 2015 mendedahkan syarikat-syarikat multinasional berkenaan juga telah mewujudkan 672 pekerjaan berkemahiran tinggi serantau.

"Dalam tempoh lima tahun dari 2011 sehingga 2015, InvestKL telah menarik 51 syarikat multinasional dengan pelaburan diluluskan sebanyak RM5.9 bilion serta mewujudkan lebih 7,000 pekerjaan di peringkat serantau." katanya dalam satu kenyataan di sini

Menurut Zainal, antara syarikat multinasional tersebut adalah syarikat Perancis, Worldline yang merupakan penggiat global dan peneraju dalam industri perkhidmatan urus niaga dan pembayaran di Eropah serta syarikat kimia khas.

yang berpangkalan di Switzerland, Clariant, bagi perniagaan perkhidmatan minyak.

"Syarikat-syarikat ini juga mengubah landskap bandar raya ini dan menarik lebih banyak tenaga kerja global menerusi kerjasama dengan syarikat tempatan untuk memupuk inovasi, meningkatkan kemahiran dan pengembangan bagi pelbagai peluang perniagaan," katanya.

Beliau memaklumkan, setakat ini, 32 peratus atau RM1.9 bilion daripada

direalisasikan, manakala 66.9 peratus atau 4,786 daripada 7,156 pekerjaan ke-mahiran tinggi serantau telah berada dalam senarai gaji.

syarikat multinasional meningkatkan pasaran hartanah di Kuala Lumpur dan Selangor dengan menyumbang kira-kira RM39.9 juta dalam kadar sewa ruang pejabat.

Zainal berkata, separuh kedua tahun ini kelitian positif dan pihaknya sedang giat berbincang dengan syarikat-syarikat utama Fortune 500 dan Forbes 2000 yang melahirkan minat untuk melabur di sini.

"Kita dalam keadaan baik untuk memanfaatkan lokasi, kredibiliti, daya saing kos, kepelbagaian budaya, pembangunan prasarana dan pelbagai pilihan

An aerial photograph of a dense urban center, likely Jakarta, showing a high concentration of modern skyscrapers, office buildings, and residential complexes. The city is built on a grid pattern with many roads and infrastructure visible. In the foreground, there are several large, modern apartment complexes with multiple towers. Interspersed among the concrete structures are some green areas, including small parks and landscaped gardens. The overall impression is one of a rapidly developing and densely populated metropolis.

New Bob bakal buka 3 Tido Hostel

SCHNOKSCHER MÜHLE, HAN



KUALA LUMPUR – New Bob Group (New Bob), syarikat pemaju hartanah dari Pulau Pinang menyasarkan untuk membuka tiga lagi tempat penginapan *flashpacker*, Tido Hostel di sekitar Kedah, Ipoh, Perak dan Lembah Klang menjelang tahun 2017.

Pengarrahnya, Dr. Lee Ville berkata, dengan peruntukan pelaburan sekijang peruntukan pelaburan sekijang

tar RM2 juta hingga RM5 juta bagi membuka sebuah cawan-
gan, langkah itu merupakan
sebahagian strategi syarikat un-
tuk memperluaskan perniagaan
hospitalitiya ke negeri-negeri
lain di seluruh Malaysia selain
Pulau Pinang.
“Pada masa ini, kami sedang
berada dalam proses membeli
hartanah yang bersesuaian den-
gan konsep Tido Hostel iaitu
bergaya dan selesa, namun pada
harga bajet.

“Minat kami adalah lebih
cenderung ke arah bangu-
nan kedai lama yang mudah
dibaik pulih dan dinaik taraf
bagi menghasilkan sebuah pu-
sat penginapan yang kelihatan
segar dan menarik,” katanya
kepada Kosmo! di sini baru-baru
ini.

Terletak di Argyll Road,
George Town, Pulau Pinang,
Tido Hostel menawarkan kemu-
dahan penginapan untuk pelan-
cong *flashpacker* iaitu individu
yang mengembala dalam per-

Mohamad Amri
dilantik CEO M&V



TIDO Hostel menyediakan ruang penginapan bergaya dan selesa pada harga berpatutan.

belanjaan terhad namun masih mengutamakan keserasian dan gaya.

perolehan keseluruhan kumpulan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Mula beroperasi pada April tahun ini, Tido Hostel menyediakan sejumlah 16 bilik, di mana lapan daripadanya terdiri dari bilik berkONSEP asrama yang dilengkapi dengan lapan "Ini selepas Tido Hostel dipe luaskan ke negeri-negeri lain ujarnya.

Tambah Ville, pada ma ini, Tido Hostel hanya mer umbang sebanyak dua perat

Manakala lapan bilik lagi terdiri daripada unit berkembar. "Kami optimis sektor pelancongan negara akan terus mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan," dipacu oleh pelbagai faktor termasuk peningkatan perbelanjaan domestik berikutnya kelemaahan ringgit dan ketidaktentuan ekonomi global.

"Dengan potensi ini, syarikat mengunjurkan segmen hospitaliti untuk menyumbang antara 20 hingga 30 peratus kepada buah katil di setiap bilik.

Manakala lapan bilik lagi terdiri daripada unit berkembar. "Kami optimis sektor pelancongan negara akan terus mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan," dipacu oleh pelbagai faktor termasuk peningkatan perbelanjaan domestik berikutnya kelemahan ringgit dan ketidaktentuan ekonomi global.

"Dengan potensi ini, syarikat mengunjurkan segmen hospitaliti untuk menyumbang antara 20 hingga 30 peratus kepada buah katil di setiap bilik.

Pembukaan sebuah lagi peniagakan hospitaliti New Bait iaitu Tropics 8 pada penghujung tahun ini dijurur akan meningkatkan kadar tersebut kepada lapan peratus.

"Suite komersial Tropics yang terletak di Jalan Gottlieb bakal menyediakan kemudahan hospitaliti kepada pelancong perubatan bagi melengkapkan perkhidmatan yang diamalkan menerusi di mana-mana hospitaliti "wdelek" jelajah.

Mohamad Amri dilantik CEO M&V



J/V kilang Felda Palm Industries Sdn. Bhd. pada tahun 1989 dan dinaikkan pangkat kepada Pengurus Besar Perolehan, Bekalan dan Perkhidmatan dalam syarikat yang sama.

KUALA LUMPUR – Pengeluar gula ber-tapis terbesar negara dan anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), mengumumkan pelantikan Mohamad Amri Sahari@Khuzari sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kum-pulan berkualat kuasa semalam.

MSM dalam satu kenyataan berkata, beliau yang sebelum ini berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, menggantikan Allah-yahar Datuk Sheikh Awab Sheik Abod yang meninggal dunia pada 14 April lalu.

"Mohamad Amri yang dikenali dengan pegangan nilai teras yang kukuh telah berkhidmat selama 27 tahun bersama Kumpulan Felda dan MSM.

"Beliau memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan prestasi syarikat terutamanya bidang operasi, dasar, strategi, pertumbuhan dan keuntungan," katanya di sini semalam.

MSM berkata, pihaknya yakinkan bahawa Mohamad Amri akan meneraju fasa-fasa penting dalam terus membina syarikat berkenaan pada masa hadapan.

Mohamad Amri memulakan kerjayanya sebagai jurutera

MOHAMAD AMRI



MSM
MASLIMA HOLDINGS SDN BHD

Beliau kemudian dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif MSM Perlis Sdn. Bhd. (MSM Perlis) pada tahun 2004, selain menaikkan peranan penting dalam merealisasikan penyeraian MSM di pasaran utama Bursa Malaysia pada tahun 2011. Ekoran itu, beliau kemudiannya menyandang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM sebelum pelantikan terbaharu semalam.

Mohamad Amri merupakan graduan Universiti Teknologi Malaysia dan South Dakota State University, Amerika Syarikat dalam Ijazah Sarjana Perniagaan dan Pentadbiran (Pengurusan Strategik) serta Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Mekanikal).

MSM mengusahakan perniagaan gula FGV menerusi dua anak syarikat, MSM Prai Bhd. dan MSM Perlis serta syarikat logistik iaitu MSM Logistics Sdn. Bhd. dan syarikat dagangan, MSM Trading International DMCC di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE)